

UPM buat penyelidikan landskap Putrajaya

Oleh Noor Eszereen Juferi
bhvarsiti@bharian.com.my

SERDANG: Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina (FRSB), Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalin kerjasama pintar bersama Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi menjalankan penyelidikan landskap dan alam sekitar di Putrajaya dalam bidang berteraskan pembangunan mampan dan teknologi hijau.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof Datuk Ir Dr Mohd Saleh Jaafar, berkata komitmen antara UPM dengan PPj itu membolehkan kedua-dua belah pihak memanfaatkan hasil penyelidikan selain berkongsi sumber dan latihan kepada mahasiswa.

Katanya, FRSB akan menerajui kepakaran dalam bidang seni bina, reka bentuk, seni bina landskap dan reka bentuk produk bagi membantu PPj mengeluarkan model terbaik.

"Menerusi kerjasama ini juga, PPj boleh menggunakan kemudahan dan kepakaran UPM termasuk penyelidikan, latihan, kemudahan



PROF MOHD SALEH (kiri) bertukar dokumen MoU dengan Samsudin selepas majlis menandatangani MoU, baru-baru ini.

makmal sains tanah, kaji serangga dan penyakit tumbuhan, pembangunan reka bentuk, pusat sumber, kajian ekologi," katanya dalam majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UPM dan PPj di UPM, baru-baru ini.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Dekan FRSB, Prof Dr Rahinah Ibrahim.

Prof Mohd Saleh berkata, impak kerjasama itu membolehkan pihak

universiti menjana ilmu melalui penerbitan, pengajaran, jaringan industri dan masyarakat.

Sementara itu, Presiden PPj, Tan Sri Samsudin Osman berkata UPM mampu membantu PPj dari segi pengurusan dan perancangan bandar, seni bina serta landskap melalui reka bentuk yang futuristik.

Beliau berkata, selain menjimatkan kos, kedua-dua belah pihak dapat mengoptimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian ilmu, teknologi dan prasarana dalam bidang teknologi hijau sejajar dengan pelaksanaan

Strategi Lautan Biru yang diperkenalkan kerajaan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP).

"Dengan kepakaran dimiliki, penyelidik UPM boleh memanfaatkan kawasan seluas 120 hektar yang ditanam dengan pelbagai spesies pokok di Taman Rimba Alam, Presint 15 selain Taman Wetland yang menjadi nadi tasik Putrajaya untuk kajian haiwan dan tumbuhan air.